

Seragam larangan jual telur demi lindungi spesies penyu

• Penjualan semua spesies telur penyu di Terengganu diharamkan mulai 1 Jun 2022

• Semua kerajaan negeri perlu proaktif dan komprehensif melindungi, mengurus dan memulihara penyu serta habitatnya

• Perhalusi pembangunan tepi pantai bagi mengelakkan gangguan dan kemusnahan habitat penyu

Oleh Prof Madya Dr Mohammad Zaki Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Penyu adalah spesies haiwan marin sinonim dengan ikon pelancongan Terengganu. Ironiknya, Terengganu satu-satunya negeri di Malaysia masih membenarkan penjualan telur penyu secara komersial walaupun spesies itu menghadapi ancaman kepupusan serius.

Amalan memakan telur penyu dianggap sebatu dalam kalangan masyarakat tempatan, ditambah pula telur penyu mudah diperoleh di pasar awam dan restoran, mahupun melalui jualan secara dalam talian.

Pasar Payang di Kuala Terengganu sering menjadi tumpuan pelancong asing dan tempatan untuk membeli telur reptilia terancam ini.

Sungguhpun begitu, penjualan semua spesies telur penyu di Terengganu akhirnya menemui titik noktah apabila perniagaan itu diharamkan mulai 1 Jun 2022.

Larangan penjualan telur penyu secara terbuka adalah langkah tepat diambil kerajaan negeri Terengganu bagi mengelakkan spesies haiwan cengkerang ini diancam kepupusan.

Walaupun mendapat tentangan daripada segelintir peniaga dan pemajak telur penyu, larangan itu mendapat reaksi positif daripada pelbagai lapisan masyarakat serta organisasi kerajaan dan bukan kerajaan.

Pengharaman penjualan telur penyu di Terengganu disambut baik aktivis alam sekitar, penyelidik, ahli akademik dan masyarakat setempat yang sudah lama menunggu pengharaman itu dilaksanakan.

Asas perundangan pengharaman penjualan telur penyu di Terengganu berdasarkan Enakmen 1951 diluluskan pindaannya ketika sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pada November tahun lalu.

Di bawah enakmen baharu ini, agensi kerajaan berkaitan, termasuk Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, diberi kuasa perundangan melaksanakan larangan penjualan telur penyu di negeri berkenaan.

Jika dibandingkan dengan peruntukan lama Enakmen Penyu 1951, pindaan enakmen baharu mengenakan hukuman penjara dan kadar denda lebih berat ke atas mereka menyalahi peraturan ini.

Mereka disabit kesalahan kerana mengganggu atau membunuh penyu boleh didenda maksimum sehingga RM250,000 atau penjara setahun.

Sebagai langkah pencegahan lebih menyeluruh, hukuman denda tinggi juga meliputi kesalahan menjual dan mengambil telur penyu tanpa permit di Terengganu.

Kelulusan Enakmen 1951 (Pindaan 2021) membuktikan komitmen dan keprihatinan kerajaan Terengganu bagi melindungi spesies penyu.

Tindakan ini juga dilihat sebagai sebahagian pendekatan proaktif kerajaan negeri memulihkan imej Terengganu yang sekian lama tercalar kerana reputasinya sebagai pusat penjualan telur penyu.

Pindaan Enakmen Penyu 1951 boleh dianggap sebagai langkah ke hadapan dalam usaha menyelaraskan undang-undang di Malaysia berkaitan konservasi dan perlindungan spesies serta populasi penyu.

Sehingga kini, terdapat perbezaan dan ketidakseragaman peraturan pada peringkat negeri berkaitan larangan pemilikan, pengumpulan dan penjualan penyu serta telur penyu.

Pengharaman penjualan telur penyu secara terbuka di Terengganu bukan sahaja wajar tetapi sepatutnya lama dilaksanakan. Larangan ini seiring dengan tindakan sama dibuat di negeri lain seperti Melaka, Sabah dan Sarawak.

Tindakan lebih proaktif dan komprehensif untuk melindungi, mengurus dan memulihara penyu serta habitatnya perlu diambil serius kerajaan negeri.

Perlu diketahui, penyu haiwan marin yang dilindungi di Malaysia di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317), di samping instrumen perundangan digubal pada peringkat negeri seperti enakmen penyu negeri dan kaedah perikanan negeri berkaitan penyu dan telur penyu.

Empat spesies penyu dikategorikan terancam dan dilindungi di negara ini adalah penyu belimbing, penyu karah, penyu agar dan penyu lipas.

Spesies penyu agar, misalnya, sering mendarat di pesisir pantai sekitar negeri Terengganu untuk bertelur dan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Terengganu merekodkan pendaratan penyu tertinggi di Malaysia.

Ini tidak bermakna populasi haiwan pulih sepenuhnya. Jabatan Perikanan menganggarkan jumlah keseluruhan populasi penyu di Malaysia semakin berkurangan dan di ambang kepupusan.

Kegagalan melindungi dan memulihara penyu serta habitatnya boleh membawa kepada kemerosotan populasi dan seterusnya kepupusan spesies haiwan reptilia ini.

Pengambilan telur dan penangkapan penyu secara haram antara punca kemerosotan bilangan penyu di Malaysia. Selain itu, penangkapan penyu tanpa sengaja dalam aktiviti penangkapan ikan antara penyumbang terbesar kematian haiwan ini.

Penggunaan peralatan menangkap ikan mesra alam perlu digalakkan dalam kalangan komuniti nelayan bagi mengurangkan risiko kematian penyu terperangkap pada pukuk.

“Kegagalan melindungi dan memulihara penyu serta habitatnya boleh membawa kepada kemerosotan populasi dan seterusnya kepupusan spesies haiwan reptilia ini”



Pemantauan dan penguatkuasaan lebih ketat perlu diambil bagi mencegah penggunaan saiz mata pukuk diharamkan di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980.

Bagi mengelakkan kematian penyu, Enakmen Penyu 1951 (Pindaan 2021) mewajibkan pemasangan alat perlindungan kipas pada bot rekreasi dan pelancong yang beroperasi di perairan Terengganu.


Usaha konservasi dan perlindungan penyu oleh kerajaan negeri Terengganu seharusnya tidak hanya tertumpu ke atas larangan penjualan telur penyu.

Kerajaan negeri perlu memberi keutamaan melindungi kawasan pendaratan penyu bertelur sebelum meluluskan sebarang aktiviti pembangunan di kawasan terbabit.

Sebarang perancangan pembangunan perlu diperhalusi sebelum dilaksanakan bagi mengelakkan gangguan dan kemusnahan ke atas kawasan habitat penyu.

Kempen penerangan untuk mengubah persepsi tidak tepat masyarakat terhadap kebaikan memakan telur dan daging penyu, khususnya spesies terancam, perlu dilaksanakan.

Penguatkuasaan larangan penjualan telur penyu di Terengganu diharap memberi sinar harapan dalam usaha memulihara dan melindungi reptilia marin ini secara mapan dan menyeluruh serta membolehkan populasi penyu terus berkembang untuk kepentingan generasi akan datang.



Pengarah Institut Asia Hal Ehwil Antarabangsa dan Diplomasi (AIHAD), Universiti Utara Malaysia (UUM)